

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

26. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa *food supply chain* tidak terjejas memandangkan proses pemulihan negara selepas wabak COVID-19 amat mencabar?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Rantaian Bekalan Makanan (*food supply chain*) merujuk kepada proses pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, penggunaan sehinggalah pelupusan, yang bermula di peringkat ladang dan berakhir di meja pengguna. Setiap proses dalam rantaian nilai memerlukan sumber manusia dan semula jadi bagi meneruskan kitaran, jika salah satu proses terjejas, rantaian bekalan makanan akan terganggu, dan perubahan ini akan menyebabkan berlaku ketidakstabilan harga dan masalah lambakan atau kekurangan bahan makanan yang ketara.

Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, terdapat kebarangkalian untuk berlakunya gangguan kepada operasi rantaian penghantaran, pengedaran dan peruncitan bagi bekalan makanan dan keperluan asas lain.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa MOA Inc. Negeri Pulau Pinang Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bil. 1/2020 telah diadakan pada 25 Mac 2020 dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pertanian Negeri. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (a) Kesukaran penjualan sayur-sayuran dan bahan mentah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- (i) Aktiviti penjualan hasil tanaman agak berkurang di mana ada petani dan pengusaha yang terpaksa menanggung

kerugian kerana hasil tidak dapat dipasarkan akibat penutupan pasar tani dan pasar malam.

- (ii) FAMA telah membuka Pusat Pemasaran kedua iaitu di Perai bagi menangani isu lambakan sayur-sayuran atau buah-buahan apabila PKP dilaksanakan.
  - (iii) FAMA juga menjalankan jualan dan penghantaran barang keperluan yang dipesan secara dalam talian. Kawasan liputan perkhidmatan ini adalah kawasan yang berdekatan dengan Pusat Pemasaran FAMA. Lebih 100 pesanan dengan nilai jualan sebanyak RM10,000.00 telah diterima sehingga kini.
  - (iv) FAMA tidak mempunyai keupayaan untuk memberikan perkhidmatan penghantaran barang segar yang dipesan secara dalam talian untuk keseluruhan negeri Pulau Pinang.
  - (v) Konsainan pengimportan semakin menurun. Aktiviti pengimportan bahan-bahan makanan di pelabuhan Pulau Pinang juga dilihat menurun dengan ketara. Ini mungkin disebabkan oleh negara-negara pengeluar mengurangkan pengeksportan untuk kegunaan negara sendiri.
- (b) Isu-isu yang dihadapi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- (i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar:
    - (1) Sehingga kini, tiada lagi isu lambakan bekalan daging ayam, lembu atau khinzir di pasaran.
      - SSL ayam: 140%
      - SSL khinzir: 260%
      - SSL lembu: 50%
      - SSL telur: 40%
    - (2) Tiada aduan diterima dari penternak-penternak kecil- kecilan berhubung masalah pemasaran hasil walaupun telah mengalami penurunan permintaan sebanyak 20 hingga 30% sejak bermulanya PKP.

- (3) Bekalan ayam masih mencukupi untuk beberapa bulan akan datang.
  - (4) Bagi sembelihan ayam, hanya di bahagian pulau sahaja dibuat sekatan. Kos kemasukan ayam dari tanah besar akan meningkat dan mendorong peningkatan harga.
  - (5) Bagi harga telur akan berlakunya trend peningkatan di sebabkan stok bekalan yang berkurangan.
  - (6) Daging puyuh, telur puyuh, susu lembu dan susu kambing mengalami masalah untuk dipasarkan akibat penutupan premis makanan. Pernak secara kecil- kecilan akan mengalami masalah pemasaran.
- (ii) Jabatan Perikanan
- Lambakan berlaku disebabkan peraih/peruncit ikan tidak dapat membuat belian, pembeli juga tidak dapat membuat belian dan pusat jualan/ pendaratan ikan/ pusat pengumpulan ikan ditutup.
- (iii) LKIM
- (1) Pemendekan waktu operasi pasar nelayan pada jam 9.30 pagi sehingga 1.30 tengah hari dan pematuhan peraturan PKP seperti pemakaian penutup hidung dan hanya seorang sahaja dibenarkan membuat pembelian.
  - (2) Sehingga kini hanya pasar 4 pasar nelayan sahaja dibuka iaitu Pasar Nelayan Penaga, Pasar Bisik Kuala Muda, Pasar Nelayan Telok Bahang.
  - (3) Masalah lambakan ikan dan tempat penyimpanan yang tidak mencukupi menjadi isu buat masa kini. Pihak LKIM dan Jabatan Perikanan sedang mencari jalan penyelesaian

bagi mengatasi masalah ini. Terdapat cadangan untuk menyewa *cold room/storage*.

(A) Pergerakan Petani, Pernak dan Nelayan serta Pemborong

- (i) Pihak petani telah dibenarkan operasi pergerakan serta pemasaran kepada semua petani, peladang, penternak, nelayan dan pengusaha akuakultur, perikanan untuk memastikan operasi penanaman dan pengeluaran hasil pertanian, perternakan dan perikanan dapat berjalan seperti biasa dan bekalan makanan sentiasa mencukupi.
- (ii) Jabatan telah mengambil tindakan segera untuk menangani isu ini melalui pengeluaran surat kebenaran melaksanakan kerja di lapangan. Surat ini terhad hanya dikeluarkan kepada petani merentas daerah atau negeri untuk melaksanakan projek.
- (iii) Petani, peladang, penternak dan nelayan juga memerlukan peralatan dan perkhidmatan membaiki alat-alat pertanian/penternakan/perikanan. Oleh itu, perkhidmatan-perkhidmatan penjualan input pertanian seperti baja, racun dan makanan ternakan serta kedai-kedai hardware dibenarkan beroperasi dua (2) hari seminggu bagi memastikan segala aktiviti yang melibatkan rantaian bekalan dan pemasaran makanan tidak terputus dan dapat diteruskan.

Justeru, Garis Panduan untuk Pengedaran Surat Pengesahan dan Notis Pengoperasian Premis dalam Aktiviti Rantaian Pembekalan dan Pemasaran Makanan telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), dan sehingga 31hb Mac 2020, sebanyak 523 surat pengesahan telah dikeluarkan kepada pemain industri yang terlibat dengan sektor pengeluaran bahan makanan. Ini merupakan langkah awal bagi mengurangkan kesan gangguan terhadap rantaian bekalan makanan yang boleh menyebabkan krisis bekalan makanan yang lebih serius. Berikut ialah pecahan kategori pemohonan surat dan notis pengoperasian mengikut daerah:

No.	Daerah	Bilangan Surat & Notis yang Dikeluarkan Mengikut Kategori Pemohon			
		(i)	(ii)	(iii)	(iv)
	Petani / Pengusaha Pertanian	Kedai Racun / Baja / Benih Tanaman, Alat Ganti Mesin dan Jentera Pertanian	Syarikat Pembuatan / Pengedaran	Penyedia Perkhidmatan (Logistik dsb.)	
1	Seberang Perai Utara	245	7	-	-
2	Seberang Perai Tengah	190	3	6	-
3	Seberang Perai Selatan	25	9	-	1
4	Barat Daya / Timur Laut	36	1	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>496</b>	<b>20</b>	<b>6</b>	<b>1</b>

**(B) Penanaman Padi Tahun 2020**

Jadual tanaman yang telah ditetapkan pada 1 April 2020 bagi Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Pesawah di kawasan daerah Seberang Perai Utara (SPU) dinasihatkan supaya mengubah jadual penanaman padi dari 15 April kepada minggu pertama bulan Mei 2020 disebabkan kekurangan bekalan air di kawasan berkenaan akibat cuaca panas ketika ini. Seramai 3,600 pesawah membabitkan 7,300 hektar kawasan sawah terlibat bagi penjadualan semula penanaman padi itu, manakala petani di daerah lain di negeri ini menanam padi mengikut jadual asal bermula 1 April lepas kerana sumber air yang mencukupi di kawasan berkenaan. Pada 2019, terdapat 12,105 hektar sawah padi yang menghasilkan SSL 69 - 72% yang mana tidak menjaskan bekalan padi dengan pengeluaran 5.8 tan per hektar.

**(C) Bantuan Kepada Nelayan Yang Terjejas Akibat COVID-19 serta Aktiviti Nelayan Pulau Pinang Semasa PKP**

- (i) LKIM menyediakan bantuan wang tunai RM100.00 seorang kepada semua nelayan Zon A (pesisir pantai). Di negeri Pulau Pinang, terdapat 2,487 nelayan pesisir pantai (tekong dan awak-awak) yang layak mendapat bantuan.
  - (ii) Bantuan peralatan untuk nelayan sebanyak RM1000.00 (dalam bentuk peralatan) kepada semua nelayan Zon A (pesisir pantai). Di negeri Pulau Pinang, terdapat 1,642 pemilik bot yang layak mendapat bantuan.
  - (iii) LKIM juga akan menubuhkan Tabung Pinjaman Tanpa Faedah dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk tujuan pemasaran ikan. Di negeri Pulau Pinang, Persatuan Nelayan Hujung Batu, Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Persatuan Nelayan Teluk Bahang boleh mendapatkan kemudahan tersebut.
  - (iv) Pada masa kini, persatuan nelayan juga menjalankan aktiviti penghantaran ikan-ikan kepada pembeli seperti di kawasan Sri Jerejak, Teluk Kumbar dan Pulau Betong.
  - (v) Nelayan juga melaksanakan aktiviti penangkapan ikan secara penggiliran sebagai pematuhan kepada PKP.
- (D) Laporan Perjumpaan Pihak LKIM dengan Para Nelayan di Pasar Bisik-Bistik, Kuala Muda
- (i) LKIM memaklumkan bahawa terdapat satu sesi perjumpaan antara LKIM dgn Ahli Jawatankuasa (AJK) Nelayan Pasar Bisik-Bistik, Kuala Muda pada 27 Mac 2020 jam 3.30 petang.
  - (ii) Laporan oleh LKIM adalah seperti berikut:
    - (1) Pelaksanaan taklimat oleh LKIM mengenai PKP dan keperluan pematuhan larangan jualan secara berbisik sebagai langkah pencegahan dan penularan wabak Covid 19. Nelayan bersetuju untuk menukar kepada sistem jualan secara lelong.
    - (2) Walau bagaimanapun, AJK Nelayan Pasar Bisik-bistik tidak bersetuju dengan cadangan untuk

menutup Pasar Bisik-bisik kerana perkara ini akan menjaskan pendapatan para nelayan. Aktiviti penangkapan ikan di laut adalah sumber utama para nelayan dan sumber makanan kepada rakyat dalam keadaan semasa.

- (3) AJK juga bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bagi mempertingkatkan kawalan pergerakan dalam dewan pasar tersebut. AJK Nelayan Pasar Bisik-Bistik juga mencadangkan supaya pihak PDRM dan ATM berlaku tegas kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi arahan yang telah ditetapkan semasa PKP untuk dijadikan pengajaran kepada pihak-pihak lain.
  - (4) LKIM akan meneruskan pemantauan dari semasa ke semasa dan tidak membenarkan pembeli runcit masuk ke pasar tersebut. Hanya peraih yang berdaftar dibenarkan untuk masuk ke pasar tersebut.
- (E) Cadangan Pemberian Bantuan/Insentif Kepada Para Petani/Penternak/Peladang/Nelayan Pulau Pinang Yang Terkesan Dengan Covid 19

(i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Cadangan pengurangan cukai merangkumi perkara seperti berikut:

- (1) Pengurangan cukai pendapatan atas jualan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada semua pengusaha industri penternakan.
- (2) Pengurangan cukai pengimportan bahan makanan ternakan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar memohon perkara ini dicadangkan di peringkat persekutuan.

(ii) Jabatan Perikanan

Cadangan pemberian tunai RM400.00 kepada semua nelayan terjejas.

- (1) Mengambil kira nilai RM400.00 daripada Program Bantuan Baucar Nelayan Pesisir Pantai Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 yang mana bantuan sebanyak RM400.00 diberikan kepada nelayan untuk menebus baucar bagi membeli peralatan perikanan daripada syarikat pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- (2) Bantuan diberikan kepada 4,833 orang nelayan dan 445 orang pengusaha/penternak akuakultur seperti pecahan berikut:

#### Perikanan Tangkapan

Bil	Jenis Zon	Jumlah Nelayan (orang)
1	Zon A	4,314
2	Zon B	288
3	Zon C	231
<b>KESELURUHAN</b>		<b>4,833</b>

#### Akuakultur

Bil	Jenis Penternakan	Jumlah Pengusaha/Penter nak (orang)
1	Kolam dan Sangkar Air Payau	331
2	Kolam dan Tangki Simen Air Tawar	43
3	Benih Air Payau	8
4	Benih Air Tawar dan Ikan Hiasan	29
5	Kerang	34
<b>KESELURUHAN</b>		<b>445</b>

(3) Implikasi kewangan

- Jumlah nelayan dan pengusaha/penternak akuakultur: 5,278 orang

Anggaran kos bantuan: RM2,111,200.00

(iii) Jabatan Pertanian

Maklumat akan diberikan setelah data lengkap diperolehi

Satu mesyuarat telah diadakan antara YB. Pengurus Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani dengan beberapa jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membincangkan isu-isu berkaitan bekalan makanan di Pulau Pinang serta golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas susulan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020;

Satu mesyuarat khas bersama Exco Pertanian dan Industri Asas Tani dan semua agensi dalam rantaian makanan telah diadakan pada 27 Mac 2020 untuk mendapat data lambakan pertanian, tenusu, hasil perikanan dan lain-lain dan isu-isu masalah jualan yang dihadapi petani dan pengusaha berikutan penutupan pasar tani, pasar malam, gerai-gerai, PBT dan lain-lain. Isu ini telah dibangkitkan oleh Exco Pertanian dalam Mesyaurat Khas Bersama YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bil.1/2020 pada 30 Mac 2020 bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan bekalan makanan dalam negara yang terkesan oleh penularan wabak COVID-19 serta memastikan jaminan bekalan makanan tidak akan terputus dan mencukupi sepanjang PKP serta selepas tamatnya PKP kelak;

Mesyuarat 2 April 2020 (Khamis) bersama Majlis Keselamatan Negara Negeri Pulau Pinang (MKN), Ibu Pejabat Polis Kontjen Pulau Pinang, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Negeri Pulau Pinang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Pulau

Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang bertujuan untuk membincangkan penyelarasan berkaitan isu yang timbul dalam penyediaan perkhidmatan di bawah sistem rantaian bekalan makanan semasa pelaksanaan PKP serta agensi-agensi di dalam rantaian makanan di peringkat Negeri Pulau Pinang.

- (a) Penurunan pengeluaran sayur-sayuran di Pulau Pinang mencecah hampir 10 tan sepanjang tempoh daripada 18 hingga 31 Mac 2020. Jabatan Pertanian menyatakan kebimbangan bahawa pengeluaran sayur-sayuran untuk bulan April 2020 akan terus mengalami penurunan sekiranya berlaku isu sekatan pergerakan yang berpanjangan terhadap golongan petani dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri rantaian bekalan makanan dan pemasaran walaupun surat kebenaran telah dikemukakan kepada pegawai penguatkuasa;
- (b) Jabatan Pertanian turut memaklumkan bahawa negara pengeksport seperti Thailand telah memberhentikan aktiviti eksport makanan buat sementara waktu untuk memastikan jaminan bekalan makanan rakyat mereka terlebih dahulu. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian memohon kerjasama dan pertimbangan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meneliti perkara tersebut;
- (c) Golongan petani yang tidak dapat memasarkan hasil telah dikenal pasti oleh Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian merakamkan penghargaan kepada pihak FAMA yang telah mengambil inisiatif untuk membeli kebanyakan hasil pengeluaran yang bermasalah untuk dipasarkan, terutamanya sayur-sayuran; dan
- (d) Pengeluaran jumlah sayur-sayuran pada 19 Mac 2020 adalah sebanyak 40.45 tan metrik sehari, pada 20 Mac 2020 sebanyak 42 tan metrik sehari dan seterusnya pada 29 Mac 2020, pengeluaran telah jatuh kepada 32 tan metrik sehari. FAMA mula membuat pembelian bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan pada 26 Mac 2020. Perkara ini berlaku kerana petani-petani tidak dapat menjual hasil

pengeluaran mereka berikutan penutupan pasar tani, pasar malam, pasar awam, restoran dan sebagainya selaras dengan penguatkuasaan PKP.

Berikutan penutupan pasar tani dan pasar malam beberapa inisiatif telah diambil untuk membantu penjualan hasil pertanian dan industri asas tani, perikanan, tenusu dan penternakan. Inisiatif itu adalah seperti berikut:

- (i) Sehingga kini, kadar pembelian hasil pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan oleh FAMA telah meningkat satu (1) kali ganda yang bersamaan dengan 10 tan metrik berbanding daripada sebelum 31 Mac 2020. Hasil pembelian disimpan di Pusat Operasi FAMA di Perai. FAMA masih berupaya untuk melakukan pembelian sayur-sayuran setakat kini serta mendapat permintaan pasaran baharu daripada pasar raya besar seperti Mydin serta pemberong-perborong lain;
- (ii) Jangkaan peningkatan pengeluaran pada masa hadapan di mana TKPM dijangka akan menghasilkan bekalan sebanyak 2.5 tan metrik sayur-sayuran sehari secara purata. Jenis sayur-sayuran yang banyak dibeli oleh FAMA adalah kangkung dan bayam. Walaupun harga pasaran bagi kedua-dua jenis sayuran tersebut adalah rendah, FAMA memaklumkan bahawa pembelian dilaksanakan pada kadar harga lantai;
- (iii) Sehingga kini, tiada pembuangan dilakukan walaupun FAMA telah membeli banyak sayur-sayuran dan buah-buahan daripada golongan petani dan peladang. Lebihan sayur-sayuran dan buah-buahan tersebut akan disalurkan ke badan-badan kebajikan;
- (iv) FAMA telah berusaha untuk membuat pembelian sebanyak 2.5 - 3.5 tan metrik sehari daripada TKPM serta daripada petani-petani yang tidak

dapat memasarkan hasil pengeluaran sebanyak satu (1) tan metrik sehari secara konsisten;

- (v) FAMA telah mewujudkan AgroBazaar dari Isnin hingga Jumaat pada jam 9 pagi hingga 5 petang bagi pembelian RM 30 keatas di [www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my);
- (vi) FAMA Penang Shoppe juga telah diwujudkan yang memulakan penghantaran mulai 11 April 2020, tempahan boleh dibuat di <https://www.agrobazaar.com.my/web/index.php?r=common/shop-directory/shop&shopId=85812>. Penghantaran akan dijalankan setiap hari dan waktu tempahan bermula 8.00 pagi sehingga 4.00 petang. Waktu Penghantaran pula bermula pada jam 8 pagi sehingga 4 petang dan tempoh penghantaran adalah 1-2 hari bekerja sahaja;
- (vii) Aplikasi E-Fish untuk beli hasil perikanan dari nelayan. Dengan hanya memuat turun atau muat turun di google play store. <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.a71slabsolution.efish>;
- (viii) 2 Pusat Operasi Fama menjalankan Pasar Segar Terkawal (PST) 1. PST@ pusat operasi bukit mertajam: berkonsep drivethru dan pre order dan delivery2. PST@pusat operasi perai: berkonsep pre order / online dan delivery Jualan akan terdiri dari peserta peserta pasar tani, persatuan nelayan (pnk) dan NAFAS;
- (ix) Exco Pertanian dan Asas Tani telah Menggunakan Chiller Truck dan Bonded Truck yang dipinjamkan dari PKT Logistik untuk membeli sayuran dan ikan dari nelayan untuk diagihkan kepada keluarga yang terkesan dari segi pendapatan akibat hampir sebulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan;

- (x) Exco Pertanian dan Asas Tani sedang membina apps platform tempahan online percuma kepada peniaga dan pembeli setempat di kampung-kampung dan kawasan yang jauh dari pusat bandar terutama kepada kawasan yang tidak berada dalam liputan Grabfood dan Foodpanda. Apps ini bertujuan untuk memenuhi tuntutan Perintah Kawalan Pergerakan yang penghantaran akan dibuat oleh penduduk tempatan. Platform ini merupakan satu inisiatif untuk petani, penternak, peniaga kecil, peniaga pasar tani, peniaga pasar malam, peniaga Uptown, Home-Based, peniaga Bazar Ramadhan dan peniaga IKS untuk memasarkan dan meningkatkan jualan secara terus kepada pembeli setempat tanpa bergantung kepada peraih, pemberong dan orang tengah;
- (xi) Perlanjutan tempoh kutipan cas sijil kesihatan veterinar (SKV) untuk komoditi babi dan ruminan mengikut warta kerajaan negeri Pulau Pinang yang telah dilanjutkan ke 1 Ogos 2020;
- (xii) Jabatan Pertanian Negeri telah mencadangkan beberapa insentif untuk bantuan bagi membantu petani dan pengusaha pemprosesan produk industri asas tani, sebagai usaha memulihkan sektor pertanian di negeri ini. Antara cadangan tersebut adalah mengecualikan bayaran sewa premis dan tapak projek pertanian bagi tempoh enam (6) bulan. Seterusnya pihak Jabatan turut mencadangkan bantuan ehsan kepada petani dan pengusaha yang terjejas. Selain bantuan yang dicadangkan, pihak Jabatan akan terus membantu semua petani dan pengusaha melalui agihan peruntukan pembangunan negeri sedia ada dengan memberi insentif dalam bentuk input pertanian, bahan mentah, benih tanaman dan sebagainya, bagi membantu mengurangkan kos operasi yang ditanggung oleh petani dan pengusaha;

- (xiii) Program Tabung Usahawan Tani (TUT) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merupakan pinjaman mikro tanpa faedah dengan tempoh pembiayaan 24 bulan kepada penternak yang berumur 18 hingga 60 tahun juga dilihat boleh membantu meningkatkan serta menggalakkan aktiviti penternakan secara komersil dan terancang. Had umur pemohon terbahagi kepada dua kategori iaitu pemohon berumur 40 tahun kebawah dengan nilai pinjaman RM6,000.00 dan pemohon yang berumur 41 hingga 60 tahun dengan nilai pinjaman RM 5000.00; dan
- (xiv) Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Perlesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020, dan dalam proses Penggubalan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 sebagai usaha memastikan kelestarian keselamatan bekalan makanan bagi kedua-dua komoditi utama dalam Negeri ini. Program Permohonan Pengecualian Kebenaran Merancang (PKM) juga telah diluluskan sebagai galakan atau sokongan Kerajaan Negeri agar ladang-ladang ternakan ayam dan babi sediaada diberi peluang dan tempoh bersesuaian untuk menaiktaraf kepada sistem penternakan moden agar industri terus berkembang dengan harmoni dalam persekitaran yang mesra alam.